

Sabah teliti dasar teknologi hijau sebagai panduan PBT

BH ONLINE | Isnin, 21 Oktober 2019 | 4:23pm



KETUA Menteri Sabah Datuk Seri Mohd Shafie Apdal (duduk dua, kanan) bertanyakan sesuatu dengan murid tahun tiga Sk. Sri Gaya, Mohd Wati Iskandar Mohd Arfizan ketika melawat gerai melukis kanak-kanak sempena Persidangan Perancangan Negeri. - Foto BERNAMA

KOTA KINABALU: Kerajaan negeri akan meneliti setiap cadangan dan resolusi berkaitan penggunaan teknologi hijau untuk dijadikan dasar sebagai panduan pihak berkuasa tempatan (PBT) dalam semua aspek pembangunan di negeri ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Shafie Apdal, berkata ia sejajar komitmen kerajaan menyokong penggunaan teknologi hijau sebagai langkah memelihara alam sekitar bagi mencapai matlamat pembangunan mapan.

Beliau menjelaskan, perancangan bandar dan wilayah yang teratur, di samping penggunaan teknologi mesra alam mampu mewujudkan persekitaran yang baik tanpa menjejaskan pembangunan yang dirancang di sesuatu kawasan.

“Saya harap usaha untuk memperincikan dasar di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri ini dapat diteruskan supaya setiap perancangan mampu dilakukan dengan baik lagi teratur.

“Selepas ini, semua resolusi dan cadangan yang dikemukakan akan dibawa ke Kabinet dan lepas itu kita akan bincang untuk memutuskan serta dijadikan dasar untuk diguna pakai PBT,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika melancarkan Persidangan Perancangan Negeri 2019 sempena Hari Perancang Bandar Sedunia bertemakan Perancangan Mapan: Inisiatif Hijau di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Ketua Menteri yang juga Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan negeri, Datuk Jaujan Sambakong serta Pengarah Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Sabah, Mursidi Sapie.